Seabance Ge Capital Sdn Bhd lwn Dynabuilders Sdn Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–34 TAHUN 2000
AHMAD MAAROP PK
15 SEPTEMBER 2001

Acara Sivil *— Rayuan — Rayuan dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi — Sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen yang tidak memutuskan secara muktamad hak-hak pihak dalam sesuatu kes — Tafsiran 'decision' di dalam s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 3 — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A*

Perkataan dan Rangkai Kata *— 'Keputusan' — Akta Mahkamah Kehakiman ss 3 & 28*

Plaintif (perayu) merayu terhadap keputusan yang telah dibuat oleh hakim mahkamah sesyen menolak dengan kos permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan (responden) di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'). Responden telah membuat bantahan awal dan menghujahkan bahawa bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk mendengar rayuan di mahkamah rendah adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK'). Dengan merujuk kepada definisi perkataan 'decision' di bawah s 3 AMK, responden menghujahkan bahawa Mahkamah Tinggi tidak boleh mendengar rayuan terhadap keputusan mahkamah rendah yang tidak memutuskan secara muktamad hak-hak pihak dalam sesuatu kes itu. Perayu menghujahkan bahawa: (i) tafsiran 'decision' di bawah s 3 adalah sesuai bagi kes-kes jenayah.; (ii) s 28 AMK menyatakan bahawa ianya adalah 'subject to any written law'. KMR adalah termasuk dalam definisi 'written law' dan peruntukan yang berkaitan dalam KMR adalah mengatasi dan hendaklah dipakai dalam kes ini; dan (iii) tafsiran 'decision' di bawah s 3 AMK hanya terpakai kepada perkataan 'decision' yang terdapat dalam AMK. Dihujahkan bahawa ini adalah satu kes di mana konteksnya memerlukan satu tafsiran yang lain diberikan kepada perkataan 'decision' kerana sekiranya tafsiran yang sempit diberikan kepada perkataan 'decision', ini akan menjadikan s 28 AMK ultra vires kerana ianya bercanggah dengan perkara 8 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan tersebut').

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Peruntukan s 3 AMK adalah jelas. Tiada apa-apa dalam definisi 'decision' di bawah s 3 yang menyatakan bahawa definisi tersebut atau mana-mana peruntukan di bawah AMK yang menyatakan definisi tersebut adalah terpakai hanya bagi keputusan yang

dibuat dalam kes jenayah sahaja. Perkataan 'any cause or matter' adalah cukup luas untuk meliputi kes sivil dan jenayah. Daripada definisi tersebut adalah jelas bahawa keputusan dalam mana-mana kausa atau perkara sivil yang tidak dengan secara muktamadnya memutuskan hak-hak pihak-pihak dalam sesuatu kes itu bukanlah suatu keputusan dan tidak boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi untuk rayuan (lihat ms 160C–D).

(2) Tindakan dan tuntutan perayu terhadap responden masih ada di mahkamah sesyen menunggu satu perbicaraan penuh di mana saksi-saksi akan dipanggil memberi keterangan. Keputusan yang dibuat oleh mahkamah sesyen itu tidak menyelesaikan perkara pokok dalam kes ini tanpa perbicaraan selanjutnya di mahkamah itu. Keputusan hakim mahkamah sesyen menolak permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terus bukan keputusan yang telah memutuskan dengan muktamadnya hak-hak perayu dan responden dalam kes ini. Oleh itu keputusan yang dibuat oleh mahkamah sesyen itu tidak boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi untuk rayuan (lihat ms 162D–G).

(3) Aturan 49 KMR bukanlah peruntukan yang mengandungi undang-undang yang membolehkan Mahkamah Tinggi mendengar rayuan-rayuan dari mahkamah rendah. Undang-undang yang memberikan bidang kuasa dan membolehkan Mahkamah Tinggi mendengar rayuan-rayuan dari mahkamah rendah terkandung dalam AMK. Kaedah-kaedah mahkamah adalah kaedah-kaedah mengenai prosedur dan amalan sivil. Kaedah-kaedah tersebut tidak boleh mengubah undang-undang substantif. Kaedah-kaedah tersebut juga tidak boleh memperluaskan bidang kuasa mahkamah (lihat ms 163A–D).

(4) Seksyen 28 AMK jelas menggunakan perkataan 'decision'. Oleh kerana perkataan 'decision' digunakan di bawah s 28 AMK, definisi perkataan 'decision' di bawah s 3 AMK adalah terpakai. Mahkamah ini tidak memasukkan ke dalam s 28 perkataan-perkataan yang tidak ada dalam seksyen itu. Apa yang dilakukan adalah mentafsirkan dan memberikan kesan kepada suatu perkataan (iaitu 'decision') yang memang wujud dalam seksyen tersebut dengan menggunakan definisi bagi perkataan itu yang telah diperuntukkan oleh AMK itu sendiri. Sehubungan itu mahkamah tidak dapat menerima hujah perayu bahawa konteks penggunaan perkataan 'decision' dalam s 28 AMK memerlukan supaya definisi perkataan 'decision' di bawah s 3 AMK tidak digunakan (lihat ms 164F–H).

(5) Apa yang diperlukan di bawah perkara 8 Perlembagaan tersebut ialah supaya seseorang yang berada dalam suatu keadaan diberi layanan yang sama dengan seorang yang lain dalam keadaan yang sama. Bagi menilai layanan bagi tujuan pemakaian perkara 8, perayu tidak boleh dibandingkan dengan responden kerana perayu dan responden tidak berada dalam dalam keadaan yang

sama. Apabila perayu dibandingkan dengan orang yang juga gagal memasukkan penghakiman terus di mahkamah rendah, tiada perlanggaran terhadap perkara 8 telah berlaku kerana berikutan dengan definisi 'decision' yang wujud sekarang, mereka semuanya tidak boleh merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan mahkamah rendah menolak permohonan mereka untuk memasukkan penghakiman terus (lihat ms 165A, G–H).

[English summary

The plaintiff (appellant) had appealed against the decision of the sessions court judge in dismissing the appellant's application to enter summary judgment against the defendant (respondent) with costs under O 26A of the Subordinate Courts Rules 1980 ('the SCR'). The respondent made a preliminary objection and submitted that the High Court's jurisdiction to hear appeals from the subordinate courts was confined to the provisions under the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA'). Referring to the definiton of the word 'decision' under s 3 of CJA, the respondent submitted that the High Court had no jurisdiction to hear appeals from the subordinate courts which did not finally dispose of the rights of the parties to the case. The appellant submitted that: (i) the interpretation of 'decision' under s 3 was appropriate for criminal cases; (ii) s 28 CJA stated that it was 'subject to any written law'. The SCR was included in the definition of 'written law' and the provision concerned in the SCR prevailed over the former and should be applied in this case; and (iii) the interpretation of 'decision' under s 3 CJA was only applicable to the word 'decision' found in s 3 CJA. Therefore it was submitted that this was a case in which the context required a different interpretation for the word 'decision', because if a narrow definition was given to the word 'decision', it would render s 28 CJA ultra vires because it would be in conflict with art 8 of the Federal Constitution ('the Constitution').

Held, dismissing the appeal:

(1) The provision under s 3 CJA is clear. Nowhere in the definition of 'decision' in s 3 CJA, or any other provision under the CJA, which provides for the definition of 'decision' to be used in decisions made in criminal cases only. The words 'any cause or matter' are wide enough to include both civil and criminal cases. From the definition, it is clear that any decision from a civil case or matter which does not finally determine the rights of the parties, is not a decision and cannot be brought to the High Court for appeal (see p 160C–D).

(2) The appellant's claim and action against the respondent is still with the sessions court, pending a full hearing where witnesses would be called to give evidence. The sessions court's decision

will not decide the subject matter of the case without a further hearing in that court. The sessions court judge's decision in dismissing the appellant's application to enter summary judgment is not a decision that finally determined the rights of the appellant and the respondent in this case cannot be brought to the High Court on appeal (see p 162D–G).

(3) Order 49 SCR is not the enabling provision which allows the High Court to hear appeals from the subordinate courts. The CJA grants jurisdiction to the High Court to hear appeals from the subordinate courts. The SCR merely provides for the civil procedure and practice and does not alter the substantive law. The SCR also does not extend the jurisdiction of the courts (see p 163A–D).

(4) Section 28 CJA clearly uses the word 'decision'. Therefore, since the word 'decision' is used in s 28 CJA, the definition in s 3 CJA is to be applied. This court is not to add to s 28 CJA words that are not in the section. The duty of the court is to give effect to the existing word in the section (ie the word 'decision') by applying the definition provided in the CJA. Therefore, the court could not accept the submission of the appellant that in the context of the usage of the word 'decision' under s 28 CJA, the definition under s 3 CJA was not to be used (see p 164F–H).

(5) Article 8 of the Constitution requires a person in a similar situation to be similarly treated. In determining this, the appellant could not be compared with the respondent as they were not in a similar situation. When comparisons are drawn between the appellant and a party who had failed to enter summary judgment, it is obvious that there is no breach of art 8 of the Constitution because following the current interpretation of 'decision', they too would not be allowed to appeal to the High Court against the decision of the subordinate court in dismissing their applications to enter summary judgment (see p 165A, G–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 595–597.

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Seri Anwar bim Ibrahim v PP [1999] 1 MLJ 321 (dirujuk)

Inland Revenue Commissioners v National Federation of Self-Employed and Small Business Ltd [1981] 2 WLR 722 (dirujuk)

Kee Yeh Maritime Co Ltd v Coastal Shipping Sdn Bhd [2000] 4 AMR 4190 (dirujuk)

Malayan Banking Bhd v International Tin Council and another appeal [1989] 3 MLJ 286 (dirujuk)

PP v Khong Teng Khen & Anor [1976] 2 MLJ 166 (dirujuk)
Teoh Poh Keong Sdn Bhd v Shinhan Engineering & Construction Co Ltd [2001] 2 MLJ 50 (dirujuk)
Tetuan J & S Holding Sdn Bhd v A Kasim bin Hassan & Anor [2000] 6 MLJ 739 (dirujuk)
Tycoon Realty Sdn Bhd v Senwara Development Sdn Bhd [1999] 2 MLJ 696 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 27, 28, 67(1)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung [Eng]
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A, A 49 kk 1, 6(1)

Appeal from: Saman No 52–1019 Tahun 1999 (Mahkamah Tinggi, Seremban)

Mark S Taye (*Taye & Co*) bagi pihak perayu/plaintif.
YT Woon (*Woon & Co*) bagi pihak responden/defendan.

Ahmad Maarop PK: Melalui notis rayuan bertarikh 50 Jun 2000, plaintif (perayu) merayu terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen Seremban pada 23 Jun 2000, menolak dengan kos permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan (responden), di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR').

Pada 27 Mac 2000 apabila rayuan tersebut dipanggil di Mahkamah Tinggi, peguam bagi pihak responden telah membuat bantahan awal dan menimbulkan persoalan samada rayuan boleh dibuat dalam kes ini memandangkan bahawa keputusan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen tidak memutuskan dengan muktamad hak pihak-pihak dalam kes ini. Mahkamah telah mengarahkan supaya pihak-pihak mengemukakan hujah bertulis mengenai bantahan awal tersebut. Kes telah ditangguhkan ke 19 Mac 2001 untuk sebutan.

Pada 19 Mac 2001, saya telah diberitahu oleh kedua-dua pihak bahawa hujah bertulis telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Pihak-pihak juga telah mengesahkan bahawa terdapat satu bantahan awal sahaja dalam kes ini iaitu bantahan awal responden bahawa mahkamah Tinggi tidak boleh mendengar rayuan perayu kerana keputusan hakim mahkamah sesyen yang dibuat pada 23 Jun 2000 tidak boleh dirayu kerana ianya bukan satu keputusan sepertimana yang ditafsirkan di bawah s 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta tersebut').

Setelah menimbangkan hujah bertulis yang telah dikemukakan oleh perayu dan responden, pada 2 April 2001 saya telah membenarkan bantahan awal responden dan telah menolak rayuan perayu dengan kos. Melalui notis rayuan yang telah difailkan pada 10 Ogos 2001, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan itu.

A Dalam hujahnya untuk menyokong bantahan awal responden, peguam responden menghujahkan bahawa bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk mendengar rayuan di mahkamah rendah adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta tersebut. Dengan merujuk kepada definasi perkataan 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut, peguam responden menghujahkan bahawa Mahkamah Tinggi tidak boleh mendengar rayuan B terhadap keputusan Mahkamah Rendah yang tidak memutuskan secara muktamad hak-hak pihak-pihak dalam sesuatu kes itu. Menurut peguam responden, dalam kes inl keputusan yang telah dibuat oleh hakim mahkamah sesyen pada 26 Mac 2000 adalah keputusan menolak permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terus terhadap C responden. Walaupun permohonan perayu ditolak, perayu masih boleh meneruskan kes mereka dalam suatu perbicaraan penuh. Menurut peguam responden, ini bererti bahawa keputusan hakim mahkamah sesyen itu tidak menentukan hak-hak perayu dan responden secara muktamad. Oleh yang demikian menurutnya, keputusan tersebut bukanlah satu keputusan menurut definasi keputusan yang diberikan oleh s 3 Akta D tersebut dan Mahkamah Tinggi tidak boleh mendengar rayuan itu. Untuk menyokong hujahnya peguam responden telah mengemukakan kes *Kee Yeh Maritime Co Ltd v Coastal Shipping Sdn Bhd* [2000] 4 AMR 4190 dan kes *Tetuan J & S Holding Sdn Bhd v A Kasim bin Hassan & Anor* [2000] 6 MLJ 739.

E Menurut peguam perayu pula tafsiran 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut telah dikaji oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP* [1999] 1 MLJ 321 di ms 329–330. Menurut kes tersebut hanya penghakiman dan perintah yang termasuk dalam definasi 'interlocutory' (seperti yang dinyatakan oleh *Halsbury's Law of England* (4th Ed) Vol 26 para 506) sahaja yang tidak boleh dirayu. Menurut peguam F perayu definasi tersebut adalah sempit. Menurut peguam perayu perintah yang dirayu dalam kes ini tidak termasuk dalam definasi tersebut. Ini menurutnya adalah kerana perintah tersebut telah dibuat selepas merit kes tersebut didengar. Menurutnya perintah tersebut telah dibuat oleh mahkamah sesyen selepas mendengar hujah peguam perayu dan peguam G responden tentang persoalan utama dalam kes itu, iaitu, samada responden bertanggungan kepada perayu untuk jumlah yang dituntut di bawah satu surat jaminan dan indemniti. Oleh yang demikian perintah itu adalah perintah mengenai isu pokok dalam kes tersebut.

Peguam perayu juga berhujah bahawa s 28 Akta tersebut menyatakan H bahawa ianya adalah 'subject to any written law'. Di bawah s 3 Akta interpretasi 1967 'written law' merangkumi 'Acts of Parliament and subsidiary legislation made thereunder'. Ini bererti KMR adalah termasuk dalam definasi 'written law'. Oleh yang demikian, peguam perayu berhujah bahawa peruntukkan yang berkaitan dalam KMR adalah mengatasi dan hendaklah dipakai dalam kes ini. Sehubungan ini, menurutnya, definasi I 'decision' di bawah A 49 k 1 KMR, yang menyatakan bahawa 'decision' includes 'judgement', 'order' and 'decre', adalah lebih luas. Menurut peguam perayu, tidak seperti definasi 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut,

A 49 k 1 KMR tidak mengenakan apa-apa had kepada makna 'decision', peguam perayu berhujah bahawa tafsiran 'decision' dalam Akta tersebut tidak boleh digunakan untuk mentafsirkan perkataan 'decision' dalam A 49 k 1 KMR, kerana tafsiran 'decision' dalam s 3 Akta tersebut hanya terpakai bagi Akta itu sahaja. Peguam perayu juga berhujah bahawa bukanlah menjadi tugas mahkamah untuk menambahkan perkataan-perkataan kepada perkataan-perkataan 'judgment' dan 'order' di bawah A 49 k 1 KMR. Menurutnya, sekiranya Parlimen berniat untuk memberikan satu tafsiran yang sempit kepada perkataan 'decision' di bawah A 49 k 1 KMR, A 49 k 1 telah dipinda dengan memasukkan perkataan yang serupa dengan yang terdapat dalam definasi 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut, apabila KMR dipinda baru-baru ini. Oleh kerana Parlimen tidak membuat pindaan sedemikian, ianya bukan tugas mahkamah untuk berbuat demikian. Kes *Tycoon Realty Sdn Bhd v Senwara Development Sdn Bhd* [1999] 2 MLJ 696 telah dikemukakan untuk menyokong hujah perayu.

Peguam perayu juga berhujah bahawa tafsiran 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut hanya terpakai kepada perkataan 'decision' yang terdapat dalam Akta tersebut dan itu pun sekiranya ia sesuai digunakan dalam konteks sesuatu seksyen di bawah Akta tersebut. ini adalah kerana s 3 dimulakan dengan perkataan-perkataan 'in this Act unless the context otherwise requires ...', peguam perayu berhujah bahawa kes ini adalah satu kes dimana konteksnya memerlukan satu tafsiran yang lain diberikan kepada perkataan 'decision'. Menurut peguam perayu, ini adalah kerana sekiranya tafsiran yang sempit diberikan kepada perkataan 'decision', ini akan menjadikan s 28 Akta tersebut ultra virus kerana ianya bercanggah dengan perkara 8 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan'). Menurutnya, ini adalah kerana sekiranya plaintif memperolehi penghakiman terus terhadap defendan di mahkamah rendah, defendan boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Tetapi sekiranya plaintif gagal memperolehi penghakiman terus, plaintif tidak boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Selain dari itu peguam perayu juga berhujah bahawa tafsiran 'decision' dalam s 3 Akta tersebut juga akan menjadikan proses rayuan dari mahkamah-mahkamah rendah ke Mahkamah Tinggi dan proses rayuan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan tidak konsisten. Ini menurutnya adalah kerana plaintif yang gagal mendapatkan penghakiman terus di Mahkamah Tinggi boleh merayu ke Mahkamah Rayuan kerana kes *Tycoon Realty* dengan jelas telah menyatakan bahawa perkataan 'judgement' dan 'order' tidak terhad kepada penghakiman dan perintah yang menentukan hak-hak sesuatu pihak secara konklusif. Tetapi, plaintif yang gagal mendapatkan penghakiman terus di mahkamah majistret dan mahkamah sesyen, tidak boleh merayu ke Mahkamah Tinggi.

Peguam perayu juga berhujah bahawa tafsiran 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut adalah sesuai bagi kes-kes jenayah. Menurutnya dalam kes-kes jenayah seperti kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim*, kedua-dua pihak tidak boleh merayu. Sekiranya orang kena tuduh tidak dibenarkan jaminan, orang kena tuduh tidak boleh mengemukakan rayuan. Sekiranya orang kena

A tuduh dibenarkan ikat jamin, pihak pendakwa raya juga tidak boleh mengemukakan rayuan.

Persoalan yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada perayu boleh merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan yang dibuat oleh mahkamah rendah (dalam kes ini mahkamah sesyen), yang menolak B permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A 26A KMR terhadap responden.

Oleh kerana isu ini melibatkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi, adalah wajar perbincangan mengenai isu ini dimulakan dengan mempertimbangkan undang-undang yang memperuntukkan perkara itu. Peruntukan undang-undang mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi C diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Seksyen 27 Akta tersebut (seksyen mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi dalam rayuan sivil) memperuntukkan:

> The appellate civil jurisdiction of the High Court shall consist of the hearing of appeals from subordinate courts as hereinafter provided.

D Saya berpendapat bahawa oleh kerana seksyen tersebut menggunakan perkataan-perkataan 'hereinafter provided' (yang diperuntukkan selepas ini), rujukan perlu dibuat kepada seksyen-seksyen selepas s 27 Akta tersebut yang mengandungi peruntukkan yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi dalam rayuan sivil.

E Seksyen 28 Akta tersebut adalah peruntukkan mengenai rayuan-rayuan sivil dari mahkamah-mahkamah rendah. Seksyen tersebut memperuntukkan:

> (1) subject to any written law, no appeal shall lie to the High Court from a decision of a subordinate court in any civil cause or matter where the F amount in dispute or the value of the subject matter is ten thousand ringgit or less except on a question law.
>
> (2) An appeal shall lie from any decision of a subordinate court in any proceeding relating to maintenance of wives or children, irrespective of the amount involved.

G Menurut peruntukan tersebut, tiada rayuan boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi daripada suatu keputusan mahkamah rendah dalam mana-mana kausa atau perkara sivil dimana amaun yang menjadi pertikaian atau nilai perkara yang menjadi subjek rayuan itu adalah RM10,000 atau kurang, melainkan atas suatu persoalan undang-undang. Dalam lain-lain perkataan rayuan boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi daripada suatu H keputusan mahkamah rendah dalam mana-mana kausa atau perkara sivil dimana amaun yang menjadi pertikaian atau nilai perkara yang menjadi subjek rayuan adalah lebih daripada RM10,000. Adakah ini bererti bahawa apa-apa juga keputusan mahkamah rendah dalam kausa atau perkara sivil dimana amaun yang menjadi subjek rayuan adalah lebih daripada RM10,000 boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi dalam suatu rayuan? I Saya berpendapat bahawa apabila Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan 1998) ('Akta A1031') berkuatkuasa, bukan semua keputusan mahkamah rendah dalam mana-mana kausa atau perkara sivil boleh dikemukakan ke

Mahkamah Tinggi untuk rayuan, walaupun amaun yang menjadi pertikaian atau nilai perkara yang menjadi subjek kes itu melebihi RM10,000 ini adalah kerana keputusan (decision) telah ditakrifkan di bawah s 3 Akta tersebut. Sebelum dipinda oleh Akta A1031, definasi 'decision' ialah 'decision' includes judgement, sentence or order'. Definasi tersebut telah dipinda oleh Akta A1031. Definasi 'decision' selepas dipinda oleh Akta A1031 dan yang ujud sekarang ialah:

> 'Decision' means judgement, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the right of the parties.

Dalam penghakiman saya peruntukan tersebut adalah jelas. Sehubungan ini, dalam mentafsirkan sesuatu akta Parlimen, apabila perkataan-perkataan yang digunakan oleh pembuat undang-undang itu adalah precise dan jelas, kaedah-kaedah pentafsiran literal dan strict hendaklah digunakan (*Malayan Banking Bhd v International Tin Council and another appeal* [1989] 3 MLJ 286 di ms 288). Tiada apa-apa dalam definasi tersebut atau mana-mana peruntukkan di bawah Akta tersebut yang menyatakan bahawa definasi tersebut adalah terpakai hanya bagi 'ruling' (keputusan) yang dibuat dalam kes jenayah sahaja. Pada hemat saya perkataan any 'cause or matter' adalah cukup luas untuk meliputi kes sivil dan jenayah. Daripada definasi tersebut adalah jelas bahawa keputusan dalam mana-mana kausa atau perkara sivil yang tidak dengan secara muktamadnya memutuskan hak-hak pihak- pihak dalam sesuatu kes itu bukanlah suatu keputusan, dan tidak boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi untuk rayuan, walaupun nilai perkara yang menjadi subjek kes itu adalah lebih dari RM10,000. Dalam membuat penghakiman sedemikian saya bersetuju dengan keputusan dalam kes *Kee Yeh Maritime Co Ltd v Coastal Shipping Sdn Bhd, Tetuan JS Holding Sdn Bhd v A Karim bin Hassan* [2000] 6 MLJ 739 dan kes *Teoh Poh Keong Sdn Bhd v Shinhan Engineering & Construction Co Ltd* [2001] 2 MLJ 50.

Dalam kes *Kee Yeh Maritime Co Ltd v Coastal Shipping*, perayu merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang menolak permohonan perayu untuk membatalkan pembelaan responden. Persoalan awal yang ditimbulkan ialah samada rayuan tersebut adalah wajar dan boleh dibuat. Mahkamah Tinggi Sandakan memutuskan bahawa rayuan itu adalah tidak competent dan telah menolaknya. Dalam penghakimannya mahkamah tersebut menyatakan, di ms 199:

> Based on principle enunciated in the aforementioned cases it is therefore obvious that in the instant case the ruling of the learned SCJ granting the respondent/defendant unconditional leave to defend the action is only an interlocutory order. It is not therefore a decision as defined under s 3 of the Act. And as it is my view that there has to be a decision first before the appellate civil jurisdiction of the High court may be exercised this present appeal is therefore incompetent.

Dalam kes *Tetuan J & S Holding Sdn Bhd v A Karim bin Hassan*, plaintif-plaintif menuntut dari defendan-defendan ganti rugi kerana perlanggaran suatu perjanjian jual beli. Pada tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran kes itu, defendan-defendan telah menimbulkan bantahan awal bahawa

A tuntutan plaintif-plaintif adalah dihalang oleh statut di bawah Akta Had Masa 1953. Majistret yang membicarakan kes tersebut telah menolak bantahan awal tersebut. Defendan-defendan telah merayu terhadap keputusan majistret tersebut. Mahkamah Tinggi Temerloh telah memutuskan bahawa sekiranya perintah atau keputusan akhirnya telah menyelesaikan perkara penting atau perkara pokok pertikaian dan B seterusnya membawa kepada kesimpulan keseluruhan prosiding tanpa tarikh perbicaraan selanjutnya, perintah atau keputusan di dalam keadaan tersebut boleh dirayu. Keputusan atau perintah yang dibuat oleh majistret yang bijaksana berhubung bantahan awal tersebut bukan keputusan muktamad kerana ia telah hanya menyelesaikan bantahan awal tersebut C yang justeru itu meninggalkan skop untuk pihak-pihak meneruskan perbicaraan atas perkara pokok penting yang akan menentukan hak pihak-pihak. Perkataan 'keputusan' dalam A 49 k 6 KMR tidak terpakai kepada keputusan yang dibuat oleh majistret yang bijaksana berhubung bantahan awal tersebut.

D Dalam penghakimannya, mahkamah tersebut juga telah menyatakan di ms 748 bahawa:

> This court is also of the view that although both the cases namely, *Saad Abas & Anor* and *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim* refer to criminal trials and appeals, the principle enunciated and applied there are directly relevant and applicable to the present appeal before this court as the word 'decision' as defined in s 3 E of the Courts of Judicature Act 1964 refers to both criminal and civil cases.

Di muka surat yang sama mahkamah tersebut juga menyatakan bahawa:

> This court is of the view that if a party is allowed to appeal against a ruling or decision made on a preliminary objection before the start of a trial or during the trial which decision does not determine or finally dispose of the rights of F the parties as spelt out in s 3 of the Court of Judicature Act 1964, the High Courts will be flooded with appeals and have to deal with those appeals as speedily as possible in order not to prolong the trial in the lower courts which will be pending the outcome of the decision of the appeal. As if this situation is allowed to happen, the hearing of the cases in the lower courts will come to a standstill whereby it will result in the backlog of cases in the lower G courts.

Dalam kes *Teoh Poh Keong Sdn Bhd v Shinhan Engineering*, plaintif merayu terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang membenarkan permohonan defendan untuk mengetepikan: (i) perintah yang telah dibuat terlebih dahulu olehnya memberikan kebenaran kepada plaintif untuk H menyerahkan writ saman kepada defendan dengan cara serahan ganti; dan (ii) penyerahan writ itu sendiri. Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu telah memutuskan di ms 59:

> As such it is my judgement that not all ruling, decision, judgement or order of a registrar (which include a deputy and senior assistant registrar) is appealable to a judge in chambers. The element of finality in the disposal of the rights of I the parties must be present in such ruling, judgement, order or decision, particulary where there is no exercise of discretion involved. Accordingly, an interlocutory judgement, order, ruling or decision is not appealable. I am very

much aware that what I have said here may appear to be hair splitting. But I cannot ignore the fact that there is the amended version of the definition of the word 'decision' in s 3 of the CJA and the probable legislative intent for such amendment.

'*Legislative intent*' yang dimaksudkan oleh mahkamah tersebut seperti yang dinyatakan dalam kes tersebut ialah '*filtration of appeals*'

Selanjutnya, di ms 63–64, mahkamah tersebut memutuskan:

Turning therefore to the case at hand the thrust of the complaint of the plaintiff was that the learned SAR was wrong in allowing the application of the defendant to set aside the leave granted to serve the writ by way of substituted service and the service itself. Such ruling in my judgment should not be categorized as having the effect of final disposal of the rights of the parties in the action. The action itself is still there and it should now be the move of the plaintiff to do the necessary so as to enable it to properly serve the writ upon the defendant in compliance with the prevailing Rules of the High Court 1980 and other relevant laws. Clearly therefore that the ruling of the SAR complained of is interlocutory in nature and thus not appealable in view of the present position of the law.

Begitu jugalah halnya dalam kes ini. Tindakan dan tuntutan perayu terhadap responden seperti yang dinyatakan dalam pernyataan tuntutannya bertarikh 23 Julai 1999 masih ada di mahkamah sesyen menunggu satu perbicaraan penuh dimana saksi-saksi akan dipanggil memberi keterangan. Keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen Seremban pada 23 Jun 2000 itu tidak menyelesaikan perkara pokok dalam kes ini dan tidak menamatkan keseluruhan prosiding dalam kes ini tanpa perbicaraan selanjutnya di mahkamah itu. Dalam penghakiman saya, keputusan hakim mahkamah sesyen menolak permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A 26A KMR bukan keputusan yang telah memutuskan dengan muktamadnya hak-hak perayu dan defendan dalam kes ini. Hak-hak mereka akan hanya diputuskan dengan muktamadnya pada akhir perbicaraan penuh di mahkamah sesyen itu apabila mahkamah itu nanti membuat keputusan membenarkan tuntutan perayu samada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau menolak tuntutan perayu. Oleh yang demikian keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen Seremban dalam kes ini pada 23 Jun 2000 tidak boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi untuk rayuan.

Saya menyedari bahawa A 49 k 6(1) KMR memperuntukkan bahawa:

Notwithstanding anything contained in this order, an appeal from any decision other than a decision made after trial by the court shall lie to a Judge in Chambers of the High Court.

Saya juga menyedari bahawa A 49 k 1 KMR memperuntukkan bahawa 'decision' include 'judgement', 'order' and 'decree'.

Seperti yang telah dinyatakan di bahagian lain dalam penghakiman ini, peguam perayu berhujah bahawa peruntukkan mengenai definasi 'decision' di bawah A 49 k 1 KMR hendaklah mengatasi definasi yang diperuntukkan di bawah s 3 Akta tersebut dan adalah terpakai dalam kes ini. Lanjutan dari ini perayu berhujah bahawa A 49 k 6(1) KMR

mengatasi peruntukan di bawah s 28 Akta tersebut. saya tidak dapat menerima hujah ini. Aturan 49 KMR bukanlah peruntukkan yang mengandungi undang-undang yang membolehkan Mahkamah Tinggi mendengar rayuan-rayuan dari mahkamah-mahkamah rendah. Seperti yang telah dinyatakan lebih awal dalam penghakiman ini, undang-undang yang memberikan bidang kuasa dan membolehkan Mahkamah Tinggi mendengar rayuan-rayuan dari keputusan mahkamah-mahkamah rendah terkandung dalam Akta tersebut. Sehubungan ini, saya bersetuju dengan pandangan Mahkamah Tinggi Sandakan dalam kes *Kee Yeh Maritime Co Ltd v Coastal Shipping Sdn Bhd*, apabila mahkamah tersebut menyatakan di ms 196 bahawa:

> At any rate, O 49 is not an empowering provision for the High Court to hear appeals from subordinate courts.

Kaedah-kaedah mahkamah adalah kaedah-kaedah mengenai prosidur dan amalan sivil. Kaedah-kaedah tersebut tidak boleh mengubah undang-undang substantive. Kaedah-kaedah tersebut juga tidak boleh memperluaskan bidang kuasa mahkamah. Ini dijelaskan dalam *Malaysian High Court Practice* (1998) Desk Edition, Vol 1 di ms 2:

> As RHC 1980 was made under powers conferred by statute (Courts of Judicature Act 1964 (Act 91) ss 16, 17, it has the force of statute, but only in matters of procedure. RHC 1980 does not confer any new jurisdiction or create or alter substantive rights: *R v Inland Revenue Commissioners; ex p Federation of Self-Employed and Small Businesses Ltd* [1982] 2 All ER 93 at p 102, [1981] 2 WLR 722 at p 734, per Lord Diplock.

Dalam kes *Inland Revenue Commissioners v National Federation of Self-Employed and Small Business Ltd* [1981] 2 WLR 722, dalam penghakimannya, ketika merujuk kepada A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung England, Lord Diplock telah menyatakan (di ms 734):

> My Lords, O 53 was made by the Rules committee under the powers conferred upon them by s 99 of the Supreme Court of Judicature (Consolidation) Act 1925 and s 10 of the Administration of Justice (Miscellaneous Provisions) Act 1938. Rules of court made under these sections are concerned with procedure and practice only; they cannot alter substantive law, nor can they extend the jurisdiction of the High Court'.

Mengenai kes *Tycoon Realty Sdn Bhd v Senwara Development Sdn Bhd* yang telah dirujuk oleh perayu, saya menyedari bahawa Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa tiada sebab yang kuat untuk memperluaskan makna 'any judgement or order' di bawah s 67(1) Akta tersebut untuk membawa maksud 'a judgement or order which finally dispose of the rights of the parties', yang diperuntukkan di bawah s 3 Akta tersebut. Sehubungan ini s 67(1) Akta tersebut memperuntukkan:

> The Court of Appeal shall have jurisdiction to hear and determine appeals from any judgement or order of any Hight Court in any civil cause or matter, whether made in the exercise of its original or of its appellate jurisdiction, subject nevertheless to this or any other written law regulating the terms and conditions upon which such appeals shall be brought.

Adalah jelas daripada seksyen tersebut bahawa perkataan 'decision' tidak digunakan dalam seksyen tersebut. Ketiadaan perkataan 'decision' dalam seksyen tersebut nampaknya telah mempengaruhi keputusan Mahkamah Rayuan seperti yang tersebut diatas. Ini adalah jelas daripada penghakiman itu di ms 701:

> Unlike *Anwar*'s case, the instant appeal is a civil appeal in which s. 67(1) of the Court of Judicature Act 1964 applies. Section 67(1) of the Act reads:
>
> > 'The Court of Appeal shall have jurisdiction to hear and determine appeals from *any judgement or order of any Hight Court in any civil cause or matter*, whether made in the exercise of its original or of its appellate jurisdiction, subject nevertheless to this or any other written law regulating the terms and conditions upon which such appeals shall be brought.' (Emphasis added).
>
> *It is to be noted that the word 'decision' is not used in s 67(1), so that, there is no compelling reason to refer to s 3 of the Act for its meaning as is in the case of criminal appeals*. That being so, the Court of Appeal has juridiction to hear appeals 'from any judgement or order of any High Court in any civil cause or matter, whether made in the exercise of its original or of its appellate jurisdiction'. The phrase 'from any judgement or order' is not to be restricted to the meaning given to the word 'decision' in the current version of s 3. This is because, in s 67, civil appeals to the Court of Appeal are from 'any judgement or order' of any Hign Court, whereas, in the case of criminal appeals they are against 'any decision' made by the High Court. There is no compelling reason to extend the meaning of the words 'any judgement or order' to mean a judgement or order which would finally dispose of the rights of the parties. It is not the business of a court of law to put words into a statutory provision which are not there because to do so would be intruding into the domain of the legislature. (Emphasis added).

Jadi kes tersebut daripada segi fakta-faktanya adalah berbeza dengan fakta-fakta dalam rayuan dihadapan saya. Dalam rayuan ini, seksyen yang berkaitan, iaitu, s 28 Akta tersebut jelas menggunakan perkataan 'decision'. Oleh kerana perkataan 'decision' digunakan di bawah s 28 Akta tersebut, definasi perkataan 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut adalah terpakai. Dalam menghakimkan sedemikian, mahkamah ini tidak memasukkan kedalam s 28 Akta tersebut perkataan-perkataan yang tidak ada dalam seksyen itu. Pada hemat saya apa yang dilakukan hanyalah mentafsirkan dan memberikan kesan kepada suatu perkataan (iaitu 'decision') yang memang ujud dalam seksyen tersebut dengan menggunakan definasi bagi perkataan itu yang telah diperuntukkan oleh Akta tersebut itu sendiri. Sehubungan ini juga, saya tidak dapat menerima hujah perayu bahawa konteks penggunaan perkataan 'decision' dalam s 28 Akta tersebut memerlukan supaya definasi perkataan 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut tidak digunakan.

Perayu juga telah rnenghujahkan bahawa penggunaan definasi perkataan 'decision' di bawah s 3 Akta tersebut untuk mentafsirkan perkataan 'decision' di bawah s 28 Akta tersebut akan menjadikan seksyen itu ultra virus perkara 8 Perlembagaan. Menurut perayu, ini adalah kerana sekiranya perayu memperolehi penghakiman terus dari mahkamah sesyen, responden boleh merayu ke Mahkamah Tinggi tetapi jika perayu

A gagal untuk memasukkan penghakiman terus, perayu tidak boleh merayu. Saya tidak dapat menerima hujah ini. Apa yang diperlukan di bawah perkara 8 Perlembagaan ialah supaya seseorang yang berada dalam suatu keadaan diberi layanan yang sama dengan seorang yang lain dalam keadaan yang sama. Ini adalah jelas dari penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v Khong Teng Khen & Anor* [1976] 2 MLJ 166, B di ms 170:

> The principle underlying art 8 is that a law must operate alike on all persons *under like circumstances*, not simply that it must operate alike on all person in any circumstance, nor that it 'must be general in character and universal in application and that the State is no longer to have the power of distinguishing C and classifying persons ... for the purpose of legislation. *Kedar Nath v State of West Bengal.* In my opinion, the law may classify person into children, juveniles and adults, and provide different criteria for determining their criminal liability or the mode of trying them or punishing them if found guilty; the law may classify persons into women and men, or into wives and husbands, and provide different rights and liabilities attaching to the status of D each class; the law may classify offences into different categories and provide that some offences be triable in a magistrate's court, others in a sessions court, and yet others in the High Court; the law may provide that certain offences be triable even in a military court; fiscal law may divide a town into different areas and provide that ratepayers in one area pay a higher or lower rate than those of another area, and in the case of income tax provide that millionaires pay more tax than others; and yet in my judgement in none E of these cases can the law be said to violate art 8. All the art 8 guarantees is that a person in one class should be treated the same as another person in the same class, so that a juvenile must be tried like another juvenile, a ratepayer in one area should pay the same rate as paid by another ratepayer in the same area, and a millionaire the same income tax as another millionaire, and so on.

F Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa bagi tujuan applikasi perkara 8 Perlembagaan, seseorang yang tidak berjaya untuk memasukkan penghakiman terus hendaklah diletakkan dalam kelas yang sama (iaitu dibandingkan) dengan orang-orang lain yang juga tidak berjaya untuk memasukkan penghakiman terus di mahkamah rendah. Dia tidak boleh G dibandingkan dengan seorang yang terhadapnya penghakiman terus telah dimasukkan. Ertinya, bagi menilai layanan bagi tujuan pemakaian perkara 8 Perlembagaan, perayu tidak boleh dibandingkan dengan responden. Ini adalah kerana perayu dan responden tidak berada dalam keadaan yang sama. Apabila perayu dibandingkan dengan orang-orang yang juga telah H gagal memasukkan penghakiman terus di mahkamah rendah, tiada pelanggaran terhadap perkara 8 Perlembagaan telah berlaku. Layanan undang-undang yang berkenaan terhadap mereka adalah sama. Ini adalah kerana berikutan dengan definasi 'decision' yang wujud sekarang, kesemua mereka tidak boleh merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan mahkamah rendah menolak permohonan mereka untuk memasukkan I penghakiman terus.

Atas alasan-alasan yang tersebut diatas, saya telah membenarkan bantahan awal responden. Saya memutuskan bahawa rayuan ini adalah

tidak kompeten. Oleh yang demikian, saya telah menolak rayuan perayu dengan kos. A

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

B

C

D

E

F

G

H

I